

DATE: 11 / 09 / 2007

Elak hubungan erat terjejas

B.H. 11/9/2007

Malaysia, Indonesia patut perkukuh kerjasama hadapi cabaran globalisasi: Najib

Anwar Hussin
Makassar, Sulawesi



DATUK Seri Najib Razak mahu Malaysia dan Indonesia memperkasakan hubungan dengan memupuk usaha sama strategik berasaskan kepentingan bersama serta menyelesaikan masalah berbangkit dengan cara permuafakatan dan perundingan.

Timbalan Perdana Menteri berkata, kedua-dua negara yang selama ini menjalinkan hubungan berasaskan serumpun dan sejarah bersama, perlu melangkah lebih jauh dengan memupuk kerjasama strategik dalam bidang ekonomi, sosiobudaya dan politik antarabangsa.

Beliau berkata, Malaysia dan Indonesia perlu merobohkan segala 'tembok' yang menjadi penghalang kepada kerjasama supaya kedua-dua negara mampu menghadapi cabaran globalisasi secara bersama.

"Begitu juga dengan masalah yang dihadapi. Kita kita yakin apapun isunya, ia dapat bertaut semula melalui muafakat," katanya kepada pemberita selepas menerima Ijazah Doktor Kehormat Ekonomi Politik daripada Universiti Hasanuddin, di sini semalam.

Turut hadir Naib Presiden Indonesia, Muhammad Jusuf Kalla. Pe-

ngurniaan Ijazah Kehormat itu adalah sebagai pengiktirafan terhadap sumbangan serta jasa beliau dalam bidang ekonomi serta politik di kedua-dua negara.

Anugerah sama pernah diberikan universiti itu kepada tokoh pejuang bangsa Afrika Selatan, Nelson Mandela sedikit masa lalu dan kepada bekas presiden republik Indonesia ke-3, BJ Jusuf Habibie, tahun lalu.


Ada sejumlah 335 pelajar Malaysia yang menuntut di universiti berkenaan yang mengikuti pengajian dalam bidang perubatan.

Mengulas mengenai perasaan tidak puas hati rakyat Indonesia yang mendakwa Malaysia melakukan layanan yang tidak adil terhadap rakyat mereka, Najib berkata, ia berpunca daripada persepsi negatif sehingga membawa kepada suasana sedemikian.

Beliau berkata, timbul persepsi bahawa Malaysia tidak mengambil tindakan segera untuk menghukum rakyatnya yang melakukan kesalahan terhadap warga Indonesia.

"Mereka rasa bila rakyat Indonesia melakukan kesalahan, kita cepat bertindak dan menghukumnya. Ini tanggapan mereka dan kita perlu membetulkannya," katanya.

Najib berkata, Kerajaan Indonesia juga tidak dapat mengawal media yang dikatakan mengapi-api keadaan kerana jumlahnya terlalu banyak.



DIKTIRAF: Najib menerima Ijazah Doktor Kehormat Ekonomi Politik daripada Rektor Universiti Hasanuddin, Prof Dr Idrus A Paturusi di Makassar, semalam.